



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
MALAYSIA
Aras 1 - 4, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
<http://www.spp.gov.my>



Talian Am : 03-8871 7300
Pusat Panggilan SPP : 03-8871 7330
Faks : 03-8871 7499 (Khidmat Pengurusan)/
7492 (Perkhidmatan)/
7493 (Naik Pangkat dan Tatatertib)/
7494 (Pengambilan Guru)/
7485 (Pengambilan Bukan Guru)

Ruj. Kami : SPP/P/0062572(17)

Tarikh : 16 Julai 2013

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
13 & 15, Jalan Murai Dua
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh
51100 KUALA LUMPUR

KUTIP BILANGAN
UNTUK
PERKHIDMATAN DUA
22 JUL 2013
Tarikh : 25
Masa :

Tuan,

**TAWARAN PELANTIKAN TETAP JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG41**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bil. (12)d/m KPKK(IP) PP 7/(11-14)/(12) bertarikh 25 Mei 2013 adalah berkaitan.

2. Suruhanjaya ini sedia maklum bahawa penetapan tarikh lantikan tetap ke jawatan PPPS Gred DG41 bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) yang mendapat ijazah secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) adalah berdasarkan kepada tarikh mengemukakan permohonan atas talian dan tarikh mendapat ijazah seperti yang diterangkan melalui Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 1 Tahun 2010.

3. Walau bagaimanapun, perenggan 5 dalam Pekeliling yang sama juga menyatakan bahawa kaedah penetapan tarikh lantikan tersebut adalah tertakluk kepada adanya kekosongan jawatan PPPS Gred DG41:

"....., tarikh pelantikan tetap PPPS Gred DG41 bagi PPPLD yang lulus ijazah secara PJJ ditetapkan secara seragam pada 2 Oktober seperti berikut, tertakluk kepada adanya kekosongan jawatan PPPS Gred DG41...."

4. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memaklumkan Suruhanjaya ini bahawa kelulusan bagi perjawatan tuan adalah berdasarkan kepada Waran Perjawatan bertarikh 7 Mac 2013 yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Justeru, Suruhanjaya telah menetapkan tarikh

lantikan tuan ke jawatan PPPS Gred DG41 adalah pada 2 Januari 2013 berdasarkan kepada kelulusan waran perjawatan tersebut.

5. Oleh yang demikian, penetapan tarikh lantikan tuan ke jawatan PPPS Gred DG41 pada 2 Januari 2013 adalah **betul dan teratur** selaras dengan kelulusan waran perjawatan daripada KPM dan ketetapan Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NORUL AZURA BINTI MD AMRAN)

Bahagian Pengambilan Guru

b.p. Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Malaysia